

KARANGAN GAMBAR BERSIRI

Berikan tajuk yang sesuai dan isikan tempat-tempat yang kosong dengan perkataan yang disediakan di dalam petak. (20 Markah)

arahan	tinggi	Pak Abu	botak	pihak polis
hitam dan putih	menonton wayang	bunyi teriakan	menyerah diri	
membaca buku cerita	luar rumah	langkah keselamatan	melaporkan kejadian itu	
bunyi cermin pecah	seorang diri	saya berlari ke tingkap	baru sahaja pulang	
mengunci semua pintu dan jendela	berterima kasih	seorang lelaki bertopeng		



Tajuk: _____.

Pada suatu malam, saya tinggal (1) _____ di rumah kerana ahli keluarga saya yang lain pergi (2) _____. Ketika itu saya sedang berbaring di atas katil sambil (3) _____. Tiba-tiba saya terdengar bunyi kereta di (4) _____. Saya ingatkan itu keluarga saya yang (5) _____.

Tapi anggapan saya berubah setelah mendengar (6) _____. (7) _____ untuk melihat dari mana datangnya bunyi pecah itu. Alangkah terkejutnya saya apabila melihat ada (8) _____ cuba untuk pecah masuk rumah jiran saya. Lelaki itu berbadan (9) _____ dan (10) _____. Dia memakai baju berwarna (11) _____.

Saya segera menghubungi (12) _____ dan melaporkan hal itu. "Baiklah, kami akan tiba ke sana secepat mungkin, kata polis itu." Selepas itu, saya (13) _____ rumah saya dengan pantas sebagai (14) _____.

Sebaik sahaja polis sampai, (15) _____ polis boleh didengar. Polis itu memberi (16) _____ kepada pencuri itu agar (17) _____. Akhirnya pencuri itu pun menyerah diri. Tepat pada waktunya juga, jiran saya (18) _____ baru pulang. Polis pun, menceritakan apa yang telah terjadi dan memberitahu bahawa saya yang telah (19) _____ kepada pihak polis. Pak Abu sangat bersyukur dan (20) _____ kepada saya kerana telah menghubungi pihak polis.